



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



KOLEksi TEKS UCAPAN PENGARAH

**HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**



**KOLEKSI TEKS UCAPAN
PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

Penulis:

**Mohd Khairulazman bin Hj Abu Bakar
Nor Dayana binti Ab Ghafar
Norazelina binti Ghazali
Syarifah Dyana Balqis binti Syed Muhamad Zulkifli**

ISBN:

Cetakan Pertama - 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenar mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

©Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Ketua Penulis:

Mohd Khairulazman bin Abu Bakar

Penulis:

Nor Dayana binti Ab Ghafar

Norazelina binti Ghazali

Syarifah Dyana Balqis binti Syed Muhamad Zulkifli

Penerbit:



Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Km 08, Jalan Paka

23000 Dungun, Terengganu

www.psmza.edu.my

Tel : 09-8400800 / Faks : 09-8458781



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-0047-32-4

Isi Kandungan

01

Teks Ucapan Perasmian Pengarah -
Program CSR Politeknik ACHEH

02

Teks Ucapan Pengarah - Karnival
Pemadanan Kerjaya 2023

03

Teks Ucapan Pengarah - Program
Ceramah Agama Ustazah Isfadiah

04

Teks Ucapan Pengarah - Watikah
MPP 2023

05

Teks Ucapan Pengarah - Aluan Iftar
Perdana

06

Teks Ucapan Pengarah -
Perhimpunan Bulanan & Mahabbah
Aidilfitri

ABSTRAK

Dasar dan garis panduan adalah hal yang penting untuk seseorang atau sesebuah organisasi supaya dapat mencapai kata sepakat dalam satu perbincangan.

Buku ini dihasilkan bertujuan untuk memberi panduan berkaitan penulisan teks-teks ucapan yang disediakan untuk Pengarah PSMZA, YBrs. Puan Hajah Zamra binti Derahman.

KATA ALUAN PENGARAH



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya dapat mengutus sepatah dua kata dalam ruangan Koleksi Teks Ucapan Pengarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin tahun 2023.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) atas kerjasama dan komitmen dalam memuatkan kandungan dan informasi yang menarik dan bermanfaat dalam Koleksi Teks Ucapan Pengarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin tahun 2023 ini.

Harapan saya agar PSMZA terus melakar sejarah dan kejayaan tanpa penghujung dan saya juga mengharapkan aspirasi KPPPKK dalam melahirkan graduan berkualiti serta pensyarah yang kompeten dapat direalisasikan seiring dengan perjalanan saya memimpin PSMZA ini.

Sekian, Wassalam.

**PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHAMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

KATA ALUAN KETUA KOMUNIKASII KORPORAT



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas keizinannya dapat juga saya bersama sidang redaksi yang lain menyiapkan buku Koleksi Teks Ucapan Pengarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dengan jayanya.

Saya mewakili warga Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pencapaian Puan Pengarah dan diharapkan kejayaan demi kejayaan akan terus dicapai sekaligus menaikkan lagi nama Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin di persada pendidikan tinggi.

Sekian, Wassalam.

**MOHD KHAIRULAZMAN BIN HJ ABU BAKAR
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBrs MRS HAJAH ZAMRA BINTI DERHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

***INTERNATIONAL EXCHANGING KNOWLEDGE: EDUCATION
WITHOUT BOUNDARIES EMPOWERING***

DATE : 28 Februari 2023
TIME : 9.00 PAGI
VENUE : Google Meet / BMU



Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,
Dr. Drs. Akhyar, M.Si.
Ketua Yayasan
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Dr. Hilmi,S.E. AK, CA
Director
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Ts. Mohyiddin bin Salleh
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
Ts Dr Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
En. Fitriady, S.T., M.T. M.Sc.Tech
(Wakil director bidang akademik)
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
En. Ardian, S.E., M.Ak., CDMS.
(Wakil director bidang keuangan)
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
En. Zainal Abidin,S.ST., M.T.
(Wakil director bidang kerjasama)
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Pn. Ngah Fadzilah binti Abdul Jalil
Dan
Pn. Jumiwati binti Abdul Rahaman
Wakil daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Yang Berusaha,
Prof. Husni / Prof. Ilham / Barisan Ketua-Ketua Jabatan / Ketua-Ketua Unit / Pegawai-Pegawai Kanan /
Jawatankuasa Pengelola *International Exchanging Knowledge: Education Without Boundaries Empowering*

Dan seterusnya, Para pensyarah, kakitangan serta pelajar Politeknik Aceh & PSMZA yang saya kasihi sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera Dan Salam Malaysia MADANI

Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 43 berbunyi:

وَتَأْكُلُ الْأَمْثَلُ نَصْرَبُهَا لِلنَّاسِ ۖ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَلِمُونَ
صَدْقَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

Yang bermaksud:

“Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buat untuk manusia dan tidak ada yang akan memahaminya kecuali mereka yang berilmu”.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita berkumpul lagi pada pagi ini dalam satu program kolaborasi yang merapakan jurang antara dua negara iaitu *INTERNATIONAL EXCHANGING KNOWLEDGE: EDUCATION WITHOUT BOUNDARIES EMPOWERING*. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatankuasa program, atas kejayaan penganjuran program pada hari ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, program ini merupakan satu program kolaborasi di antara Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dan Politeknik Aceh (PA). Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang ilmu dan kemahiran penciptaan animasi. Kemahiran sebegini cukup penting dewasa ini dan sentiasa terkehadapan mengikuti perubahan teknologi terkini. Kemahiran pelajar perlu sentiasa diperbaharui untuk memastikan kemahiran yang ada, sentiasa seiring dengan perkembangan semasa.
2. Selaras dengan itu, kami juga telah mensasarkan beberapa objektif penting untuk dicapai menerusi program ini:
 - i. Mendedahkan para pelajar dengan kemahiran aplikasi *animiz* sebagai nilai tambah pada penghasilan video.
 - ii. Menambahbaik nilai kemahiran pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

3. Saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar yang menyertai program ini akan didedahkan kepada penggunaan Aplikasi *Animiz Software Whiteboard*. Iaitu satu aplikasi yang menjadi platform untuk menambah baik pelbagai jenis skop termasuk video perniagaan, pengiklanan, persembahan seni dan penceritaan individu. Dengan penggunaan *animiz*, video yang dimuatnaik akan mendapat lebih perkongsian di platform sosial seperti *Facebook*, *Vimeo*, *Twitter*, *YouTube* dan *Google Plus* dan mampu meningkatkan daya saing.
4. Selain itu, penggunaan aplikasi ini juga melibatkan banyak elemen lain, yang mana video yang dihasilkan dapat menarik lebih perhatian penonton. Ia juga dapat menjimatkan masa kerana video boleh diterbitkan dalam tempoh masa yang singkat walaupun pengguna tiada kemahiran teknikal. Animasi boleh menjadikan seseorang individu lebih kreatif serta info yang dikongsi lebih mudah difahami. Ia mampu menyampaikan sesuatu konsep yang kompleks secara visual dan juga dinamik.
5. Besarlah harapan kami agar pelajar dapat menghasilkan video animasi yang baik dengan meningkatkan kemahiran sebelum memasuki alam pekerjaan. Selain itu, kerjasama ini juga merupakan kredit bagi kedua-dua buah institusi, staf dan juga pelajar yang terlibat.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, suka saya menjelaskan berkaitan dengan ayat al-Quran yang saya bacakan di awal tadi iaitu Allah memerintahkan kita menuntut ilmu, kerana dengan ilmu yang dituntut itu kita dapat menentukan baik buruk sesuatu perkara, mudah memahami dan mengamalkan setiap yang dipelajari.

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Kerja yang bertungkus-lumus bagi menjayakan program ini meski pun terhimpit dengan tugas-tugas yang lain. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan kerjasama serta menyumbang tenaga dalam menjayakan program ini. Semoga program yang dianjurkan ini dapat melahirkan pelajar yang berkualiti, kreatif dan inovatif. Besar harapan saya agar program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana ia sangat memberi manfaat kepada kedua-dua institusi dalam pembangunan akademik pelajar.
8. Bagi merealisasikannya, kedua-dua pihak, PSMZA dan Politeknik Aceh, saya mencadangkan untuk menandatangani satu perjanjian '**Agreed Minute of Meeting**' (AMM) sebagai satu 'tiket' untuk lebih banyak lagi program kolaborasi pada masa akan datang sama ada secara talian atau secara bersemuka.
9. Oleh itu, saya mengharapkan pihak Urusetia Pengantarabangsaan dapat mengambil langkah proaktif dengan mengutarakan cadangan ini. Begitu juga kepada Unit Komunikasi Koperat (UKK) PSMZA untuk dimaklumkan program sebegini kepada Bahagian BK TVET, JPPKK.
10. Akhir kata, dengan lafaz yang mulia, Bismillahi rahmani rahimi, saya merasmikan program ***International Exchanging Knowledge: Education Without Boundaries Empowering***. Semoga program ini berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancang dan diharap semua pelajar dapat mengambil manfaat daripadanya.
11. Saya sudahi ucapan saya dengan lafaz:

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sekian, terima kasih.



OPENING SPEECH TEXT

YBrs MRS HAJAH ZAMRA BINTI DERHMAN
DIRECTOR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

***INTERNATIONAL EXCHANGING KNOWLEDGE: EDUCATION
WITHOUT BOUNDARIES EMPOWERING***

DATE : 28 February 2023
TIME : 9.00 AM
VENUE : Google Meet / BMU



Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,
Dr. Drs. Akhyar, M.Si.
Head of the Foundation
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Dr. Hilmi,S.E. AK, CA
Director
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Ts. Mohyiddin bin Salleh
Deputy Academic Director
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
Ts Dr Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Deputy Director for Academic Support (TPSA)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
Mr. Fitriady, S.T., M.T. M.Sc.Tech
(Representative of Academic Director)
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Mr. Ardian, S.E., M.Ak., CDMS.
(Representative of Director of Finance)
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Mr. Zainal Abidin,S.ST., M.T.
(Representative of Cooperative Director)
Politeknik Aceh

Yang Berusaha,
Mrs. Ngah Fadzilah binti Abdul Jalil
And
Mrs. Jumiwati binti Abdul Rahaman
Representatives from the Department of Polytechnic Education and Community College

Yang Berusaha,
Prof. Husni / Prof. Ilham / Heads of Departments / Heads of Units / Senior Officers / Management Committee of
International Exchanging Knowledge: Education Without Boundaries Empowering

And, beloved lecturers, all staffs of Politeknik Aceh & PSMZA.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

And Salam Malaysia MADANI

Allah SWT says in surah al-Ankabut verse 43:

وَنَّا نَّا لِأَمْثَلٍ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا الْعَلِمُونَ
صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

The verse says:

"These are the parables that We set forth to make people understand. But only those endowed with knowledge will comprehend them."

1. Alhamdulillah, all praises to Allah SWT because with His abundant grace, we are allowed to gather here in a collaborative program that build rapport between two countries which is *INTERNATIONAL EXCHANGING KNOWLEDGE: EDUCATION WITHOUT BOUNDARIES EMPOWERING*. First of all, I would like to express my deepest gratitude to the program committee, for successfully organizing the program today.

Ladies and gentlemen,

1. As you already know, this program is a collaboration program between Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) and Politeknik Aceh (PA). This program aims to expose students to the knowledge and skills of animation creation. Such skills are quite important nowadays and are always faced with the latest technological changes. Students' skills need to be constantly renewed to ensure that the skills available are always in line with current developments.
2. Accordingly, we have also targeted several important objectives to be achieved through this program:
 - iii. Exposing the students to the skills of *animiz* application as an added value in video production.
 - iv. Improving the value of students' skills before entering the world of work.

Ladies and gentlemen,

3. I was told that the students participating in this program will be exposed to the use of the *Animiz Software Whiteboard Application*. It is an application working as a platform to improve various types of scopes including business videos, advertising, art performances and individual storytelling. By using *animiz*, uploaded videos will get more shares on social platforms such as *Facebook*, *Vimeo*, *Twitter*, *YouTube* and *Google Plus* and are able to increase competitiveness.
4. In addition, the use of this application also involves many other elements, which the video produced can attract more attention span. It can also save time since the videos will be published in a short period of time even though the user has no technical skills. Animation may increase an individual's creativity and make the information provided more understandable. It can convey a complex concept visually and dynamically.
5. It is our hope that students will be able to produce great animation videos by improving their skills before entering the working world. In addition, this collaboration is also a credit for both institutions, staff and students involved.

Ladies and gentlemen,

6. Before I end my speech this morning, I would like to say about the verse of the Qur'an that I read earlier, which is Allah commands us to seek knowledge, because with the knowledge that is required, we can determine the good or bad of something, easily understand and practice everything that is learned.
7. I take this opportunity to say well done and congratulations to the Working Committee who worked hard to make this program a success despite being overwhelmed with other tasks. I would also like to express my appreciation and gratitude to all parties who are directly or indirectly involved in providing cooperation and contributing energy in making this program a success. Hopefully this organized program can produce quality, creative and innovative students. I really hope that this kind of program can be continued in the future because it is very beneficial to both institutions in the academic development of students.
8. In order to realize it, both parties, PSMZA and Politeknik Aceh, I propose to sign an agreement '**Agreed Minute of Meeting' (AMM)**' as a 'ticket' for more collaboration programs in the future either online or face to face.
9. Therefore, I expect the Urusetia Pengantarabangsaan to be able to take proactive steps by expressing this proposal. The same goes to the Unit Komunikasi Korporat (UKK) PSMZA to inform the BK TVET Division, JPPKK of such a program.
10. Finally, Bismillahi rahmani rahimi, I inaugurate the ***International Exchanging Knowledge: Education Without Boundaries Empowering*** program. Hopefully this program runs smoothly as planned and hopefully all students can benefit from it.
11. I end my speech with:

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Thank you.



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

KARNIVAL PEMADANAN KERJAYA 2023

TARIKH : 20 MAC 2023 (ISNIN)
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN DAGANG



Terima kasih saudara/i pengacara majlis.


Yang Berusaha,
 Encik Mohd Sabri bin Ramli
 Pengurus
 PERKESO Cawangan Dungun

Yang Berbahagia,
 Dato' Norhisham bin Mohd Arifin
 Ketua Pegawai Eksekutif
 SRC Group

Yang Berusaha,
 Ts. Mohyiddin bin Salleh
 Timbalan Pengarah Akademik
 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
 Ts. Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin
 Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
 Wakil-wakil Majikan, Ketua- ketua Jabatan, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan,
 Seterusnya,
 Anak-anak pelajar dan graduan yang saya kasihi sekalian.



Salam Sejahtera Dan Salam Malaysia MADANI.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Ra'd ayat 11 yang berbunyi:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيْرُ مَا يَقُومُ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Yang bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

صدق الله العظيم

1. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Karnival Pemadanan Kerjaya 2023 anjuran bersama Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), PERKESO dan SRC Global.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan buat YBrs. Encik Mohd Sabri bin Ramli, Pengurus PERKESO Cawangan Dungun dan YBhg. Dato' Norhisham bin Mohd Arifin, Ketua Pegawai Eksekutif SRC Global di atas kesudian tuan-tuan melapangkan masa untuk turut hadir di majlis perasmian pada pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,

3. Seperti yang semua sedia maklum, Karnival Pemadanan Kerjaya ini diadakan bertujuan memberi pendedahan berkaitan alam kerjaya kepada pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin khususnya yang berada di semester 5, di mana mereka akan memasuki alam pekerjaan setelah tamat pengajian kelak. Pelajar juga akan didedahkan dengan maklumat berkaitan keperluan industri mengikut kesesuaian dan minat mereka.
4. Saya difahamkan di awal program ini tadi, para pelajar telah pun mendengar taklimat berkaitan peluang kerjaya oleh pihak SRC Global. Saya mengharapkan segala input yang disampaikan dapat memberi manfaat sebaiknya buat anak-anak pelajar juga graduan PSMZA khususnya dalam mendapatkan peluang pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran kita di Malaysia.

Hadirin sekalian,

5. Menyebut tentang peluang kerjaya, kita tidak akan lari daripada memperkatakan tentang kebolehpasaran graduan yang lazim digunakan sebagai indikator keberhasilan sistem pendidikan tinggi Malaysia. Suka untuk saya kongsikan di sini, pada tahun 2022 yang lalu, PSMZA telah mencapai kadar kebolehpasaran graduan sebanyak **95.6%**. KPI ini menunjukkan kepada kita bahawa graduan PSMZA mendapat tempat di dalam industri-industri di luar sana. Syabas dan tahniah saya ucapan.
6. Saya percaya pencapaian ini bukan sahaja daripada pihak institusi, malahan juga hasil daripada komitmen tinggi dan usaha pelbagai pihak dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif berbentuk intervensi juga kolaborasi strategik pihak PSMZA dengan pelbagai pihak.
7. Saya bercakap mewakili pihak institusi PSMZA sangat berbesar hati dan terbuka dengan apa juu pelaksanaan serta inisiatif oleh pihak industri supaya dapat membantu meningkatkan keupayaan dan kemahiran graduan kita. Apatah lagi apabila kemahiran yang dibekalkan itu adalah selari dengan keperluan dan kehendak industri.

Hadirin hadirat dan anak-anak pelajar yang saya kasihi sekalian,

8. Harapan saya agar Karnival Pemadanan Kerjaya pada hari ini dapat membantu memberi informasi sebanyak yang mungkin buat semua berkaitan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran yang ditawarkan oleh majikan di sini pada hari ini. Bukan itu sahaja, program pada hari ini turut membuka peluang keemasan buat para graduan khususnya untuk membina jalinan antara graduan juga institusi dalam aspek laluan kerjaya sehinggaalah penciptaan potensi dan keupayaan masing-masing.
9. Bersama-sama kita pada hari ini juga para majikan dari pelbagai industri yang membuka tapak pameran juga menawarkan sesi temu duga secara bersemuka. Besar harapan saya kolaborasi seperti ini tidak hanya terhenti di sini tapi dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang. Ini kerana, kita sedia maklum peluang sebegini sememangnya amat ditunggu-tunggu oleh para graduan khususnya yang

masih lagi belum mendapatkan peluang pekerjaan untuk menunjukkan minat dan kemahiran mereka untuk bekerja.

Hadirin sekalian,

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, di awal ucapan tadi saya membaca ayat 11 surah al-Ra'd, yang membawa maksud Allah s.w.t menjelaskan kepada kita bahawa Dia tidak mengubah nasib seseorang hamba sehingga hamba mengubah nasibnya sendiri. Ini menunjukkan kepada kita bahawa perlu kepada keazaman dan kesungguhan serta usaha yang jitu dalam membentuk masa depan kita dalam apa jua bidang yang kita ceburi , seterusnya kita bertawakal kepada Allah s.w.t.
11. Akhir kata, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan buat YBrs. Encik Mohd Sabri bin Ramli, Pengurus PERKESO Cawangan Dungun dan YBhg Dato' Norhisham bin Mohd Arifin, Ketua Pegawai Eksekutif SRC Global serta wakil-wakil majikan yang terlibat dalam menjayakan program kita pada hari ini.
12. Tidak lupa juga kepada semua Jawatankuasa Pelaksana yang terlibat baik secara langsung mahu pun tidak langsung di atas komitmen yang begitu baik dalam memastikan program kita pada hari ini berjalan dengan jayanya.
13. Saya dengan lafaz yang mulia, **Bismillahirrahmanirahim**, dengan ini saya merasmikan Karnival Pemadanan Kerjaya 2023.

Sekian, terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التُّفْقٰ وَالْهٰدِيَةُ وَ السَّلَامُ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

#ukkpsmza



OPENING TEXT SPEECH

**PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
DIRECTOR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

2023 CAREER CARNIVAL

**DATE : 20 MAC 2023 (MONDAY)
TIME : 10.00 AM
VENUE : DAGANG HALL**



Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,
 Mr. Mohd Sabri bin Ramli
 Manager
 SOCSO Dungun Branch


Yang Berbahagia,
 Dato' Norhisham bin Mohd Arifin
 Chief Executive Officer
 SRC Group

Yang Berusaha,
 Ts. Mohyiddin bin Salleh
 Deputy Academic Director
 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
 Ts Dr Mohd Hafizil bin Mat Yasin
 Deputy Director for Academic Support (TPSA)
 Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,
 Employer's Representative, Heads of Departments, Heads of Units, Senior Officers,

And,
 Beloved students and graduates.



And Salam Malaysia MADANI.

Allah SWT says in surah al-Ra'd verse 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُعِيرُ مَا يِقَوْمَ حَتَّىٰ يُعِيرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

The verse says: Indeed, Allah will not change the condition of a people until they change what is in themselves.

صدق الله العظيم

- First of all, I would like to express my gratitude to Allah SWT for His grace and permission, we are allowed to gather this morning to hold the 2023 Career Carnival jointly organized by the Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), SOCSO and SRC Global.

2. I express my most sincere appreciation and thanks to YBrs. Mr. Mohd Sabri bin Ramli, SOCSO Manager Dungun Branch and YBhg. Dato' Norhisham bin Mohd Arifin, Chief Executive Officer of SRC Global for your willingness to take the time to attend the opening ceremony this morning.

Ladies and gentlemen,

3. As everyone is aware, this Career Carnival is held to provide career-related exposure to Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin's students, especially those who are in semester 5, where they will enter the working world after their graduations. Students will also be exposed to information related to industry requirements according to their suitability and interests.
4. I was told that at the beginning of this program, the students had already heard a briefing on career opportunities by SRC Global. I hope that all of the input presented can be beneficial to the students of PSMZA as well as the graduates, especially in getting job opportunities while reducing the unemployment rate in Malaysia.

Gentlefolk,

5. Talk about career opportunities, we will not stray away from talking about the marketability of graduates which is commonly used as an indicator of the success of the Malaysian higher education system. I would like to share here, in 2022, PSMZA has achieved a graduate employability rate of **95.6%**. This KPI shows us that PSMZA graduates could find a place in the industries out there. Well done and congratulations.
6. I believe this achievement is not only from the institution, but also the result of high commitments and efforts of various parties in implementing initiatives in the form of interventions as well as strategic collaborations of PSMZA with various parties.
7. I am speaking on behalf of PSMZA, who is very pleased and open to any implementation and initiative by the industry in order to help improving the capabilities and skills of our graduates. Not to mention when the skills provided are in line with the needs and wants of the industry.

Dear audience,

8. It is my hope that today's Career Carnival can provide as much information as possible to everyone related to job opportunities and skills training offered by employers here today. Moreover, today's program also opens up a golden opportunity for graduates, especially in building connections between graduates and institutions in terms of career paths to the creation of each other's potential and capabilities.
9. Together, employers from various industries who opened exhibition sites also offered face-to-face interview sessions. I really hope that this kind of collaboration does not just stop here but can be continued in the future. The reason is that, we already know that such opportunities are eagerly awaited by graduates, especially those who have yet to find employment opportunities to show their interest and skills for work.

Ladies and gentlemen,

10. Before I end my speech this morning, at the beginning of my speech I read verse 11 of surah al-Ra'd, to which Allah s.w.t explains to us that He does not change the destiny of a servant until the servant changes

his own destiny. This shows us that it is necessary for determination and seriousness as well as precise efforts in shaping our future in whatever field we engage in, then we rely on Allah s.w.t.

11. Finally, once again, my deepest appreciation to YBrs. Mr. Mohd Sabri bin Ramli, SOCSO Manager Dungun Branch and YBhg Dato' Norhisham bin Mohd Arifin, Chief Executive Officer of SRC Global as well as the representatives of employers involved in making our program a success today.
12. Not forgetting all of the Executive Committee who are directly or indirectly involved for their commitment in ensuring that our program runs successfully today.
13. With **Bismillahirrahmanirahim**, I hereby inaugurate the 2023 Career Carnival.

Thank you.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

#ukkpsmza



TEKS UCAPAN

PN. HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
Merangkap
PENGERUSI PUSPANITA PSMZA

CERAMAH AGAMA USTAZAH ISFADIAH MOHD DASUKI: PETUA KEBAHAGIAAN RUMAHTANGGA

TARIKH : 08 Mac 2023
MASA : 2.00 Petang
TEMPAT : Dewan Kuliah Utama PSMZA



Terima kasih saudari pengacara majlis.

Yang Berbahagia,

Ustazah Isfadiah binti Mohd Dasuki
Penceramah
Akademi Keluarga Fitrah

Yang Berusaha,

Pn. Norsaliza binti Osman
Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Program Ceramah Agama

Yang Berusaha,

Pn. Idura Arniza binti Mohd Maiden
Timbalan Pengerusi PUSPANITA
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,


Pn. Aida Azmila binti Azmi
Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Pn. Marina binti Majid
Ketua Jabatan Matematik Sains & Komputer
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Barisan Jawatankuasa **Program Ceramah ‘PETUA KEBAHAGIAN RUMAHTANGGA’**,

Para pensyarah, kakitangan serta pelajar-pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin yang saya kasihi sekalian.



Salam Sejahtera Dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita berkumpul lagi pada petang ini dalam satu program ceramah yang bertajuk '**PETUA KEBAHAGIAN RUMAHTANGGA**'. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa program kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis pada petang ini.
2. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Ustazah Isfadiah binti Mohd Dasuki kerana sudi hadir untuk berkongsi ilmu dengan kita di sini.

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Program ini merupakan salah satu program yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) dengan kerjasama PUSPANITA PSMZA. Program ini bertujuan untuk memberi nilai tambah terhadap diri masing-masing agar terus belajar dan sentiasa menambah ilmu. Seiring dengan perkembangan semasa, banyak isu berkaitan masalah dalam perkahwinan dipaparkan dalam pelbagai media sosial. Agak menakutkan kita semua. Sehubungan itu, ilmu pengurusan rumah tangga ini perlu sentiasa diperbaharui.
4. Selaras dengan itu, program ini telah mensasarkan beberapa objektif penting untuk dicapai:
 - i. Mendedahkan kepada pelajar tentang kepentingan mempelajari ilmu rumah tangga sebelum melangkah ke alam berkeluarga.
 - ii. Memahami hukum-hukum Islam dan kewajipan-kewajipan lain dengan lebih jelas agar sentiasa berada di dalam landasan yang telah ditetapkan oleh Allah swt.
 - iii. Meningkatkan lagi pemahaman pelajar tentang kunci kebahagian sesebuah rumah tangga.

Sidang hadirin sekalian,

5. Setiap agama mementingkan keharmonian dalam kehidupan manusia sejagat. Begitu juga dalam Islam, dimana telah cantik disusun oleh Allah SWT tentang panduan hidup yang lengkap dalam segala perkara berkaitan dengan kehidupan manusia iaitu melalui panduan Al-Quran dan Hadith Nabi Muhammad SAW. Antara aturan ilmu yang ada dalam kalam suci Allah dan panduan hidup Nabi Muhammad S.A.W adalah berkait rapat dengan cara membentuk keluarga harmoni dan sejahtera untuk seluruh umat manusia di muka bumi ini.
6. Keamanan, keadilan, kesefahaman, sikap toleransi, kasih sayang dan kesejahteraan yang wujud dalam sesebuah keluarga adalah faktor utama dalam mewujudkan sebuah keluarga yang Harmoni, Bahagia dan Cemerlang di dunia dan di akhirat. Besarlah harapan kami agar semua peserta dapat mengambil dan cuba mengamalkan tip-tip yang dikongsikan oleh Yang Berbahagia Ustazah Isfadiyah. Saya percaya bahawa banyak Tip Kebahagiaan Rumah Tangga yang dikongsikan oleh ustazah.
7. Besar harapan saya agar program yang dianjurkan ini dapat mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Para hadirin yang saya kasih sekalian,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini, suka saya menyebut bahawa orang yang menuntut ilmu akan diberikan ganjaran pahala yang sangat besar, seperti sabda Rasullullah s.a.w yang terdapat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, Abu Daud dan Tirmidzi yang bermaksud: *"Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga".*
9. Perintah menuntut ilmu tidak dibezakan antara laki-laki dan perempuan. Hal ini terdapat dalam hadis Nabi Muhammad SAW yang berbunyi: *"Menuntut ilmu adalah fardhu bagi tiap-tiap muslim, baik laki-laki maupun perempuan"* – (HR Ibnu Abdulbari). Melalui ilmu juga kita dapat menentukan baik buruk sesuatu perkara, mudah memahami dan mengamalkan setiap yang dipelajari.

Sidang hadirin yang saya kasih sekalian,

10. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini terutamanya kepada Jawatankuasa Kerja yang telah berusaha untuk memastikan program ini berjaya dilaksanakan serta para peserta program yang bersama-sama dari awal sehingga ke akhir program. Semoga kerjasama dan komitmen yang terjalin ini, dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.
11. Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan lafadz:

وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ وَالهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih.

#ukkpsmza
#jpapsm



SPEECH TEXT

**PN. HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
DIRECTOR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
Cum
CHAIRMAN OF PSMZA PUSPANITA**

RELIGIOUS TALK BY USTAZAH ISFADIAH MOHD DASUKI: TIPS ON HOUSEHOLD HAPPINESS

**DATE : 08 March 2023
TIME : 2.00 PM
VENUE : PSMZA Main Lecture Hall**



Thank you Mdm emcee.

Yang Berbahagia,

Ustazah Isfadiah binti Mohd Dasuki
Speaker
Fitrah Family Academy

Yang Berusaha,

Mrs. Norsaliza binti Osman
Head of Department of General Studies
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Cum Chairman of the Religious Talk Program Management Committee

Yang Berusaha,

Mrs. Idura Arniza binti Mohd Maiden
Deputy Chairman of PUSPANITA
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,


Mrs. Aida Azmila binti Azmi
Head of Department of Information & Communication Technology (JTMK)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Mrs. Marina binti Majid
Head of Department of Mathematics Science & Computers (JMSK)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Management Committee of **Talk Program 'TIPS ON HOUSEHOLD HAPPINESS'**,

Beloved lecturers, staffs and students of Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.



And Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, all praises to Allah SWT because with His abundant grace, we are allowed to gather again in this evening in a talk program titled '**TIPS ON HOUSEHOLD HAPPINESS**'. First of all, I would like to express my deepest gratitude to the program committee, for successfully organizing the program today.
2. I would like to take this opportunity to express my gratitude to the Yang Berbahagia Ustazah Isfadiah binti Mohd Dasuki for coming to share knowledge with us.

Dear ladies and gentlemen,

3. This program is one of the programs organized by the Islamic Education Unit, Department of General Studies, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) in collaboration with PSMZA PUSPANITA. This program aims to add value to each individual in order to continue learning and increasing their knowledge. Along with the current issue, many issues related to marriage problems are displayed in various social media. A bit scary for all of us. Therefore, the knowledge of household management needs to be constantly updated.
4. Accordingly, this program has targeted several important objectives to be achieved:
 - j. Revealing to students about the importance of studying home economics before stepping into the family world.
 - ii. Understand the laws of Islam and other obligations more clearly in order to always be on the path that has been set by Allah swt.
 - iii. Increasing students' understanding of the key to the happiness of a household.

Ladies and gentlemen,

5. Every religion says it's important to have a harmonious life. Likewise in Islam, which has been beautifully compiled by Allah SWT about a complete life guide in all matters related to human life, which is through the guidance of the Al-Quran and the Hadith of the Prophet Muhammad SAW. Among the rules of knowledge contained in the Al-Quran and the life guidance of Prophet Muhammad S.A.W are closely related to how to form a harmonious and prosperous family for all mankind on this earth.
6. Peace, justice, compassion, tolerance, love and well-being that exist in a family are the main factors in creating a Harmonious, Happy and Excellent family in this world and in the afterlife. It is our great hope that all participants can take and try to practice the tips shared by the Yang Berbahagia Ustazah Isfadiyah. I believe that there are many Tips on Household Happiness shared by her.
7. It is my great hope that this organized program can create people who are balanced and harmonious intellectually, spiritually, emotionally and physically, based on trust and obedience to God. This effort is to produce Malaysian citizens with knowledge, skills, noble character, responsibility and the ability to achieve personal well-being, as well as contribute to the harmony and prosperity of the family, society and country.

Ladies and gentlemen,

8. Before I end my speech this evening, I would like to mention that those who seek knowledge will be given a very great reward, as the Prophet s.a.w said in a hadith narrated by Muslim, Abu Daud and Tirmidhi which means: "*Whoever takes a path upon which to obtain knowledge, Allah makes the path to Paradise easy for him*".
9. The command to seek knowledge is not differentiated between men and women. This is found in the hadith of the Prophet Muhammad SAW which reads: " Seeking knowledge is an obligation upon every Muslim, both male and female" - (HR Ibnu Abdulbari). Through knowledge we can also determine the good or bad of something, easily understand and practice everything learned.

Dear ladies and gentlemen,

10. Finally, once again I would like to express my sincere congratulations and appreciation to all parties involved in making this program a success, especially to the Committee who have worked hard to ensure that this program is successfully implemented as well as the program participants who have been together from the beginning to the end of the program. Hopefully this cooperation and commitment can be kept up in the future.

11. With that, I end my speech with:

Thank you.

#ukkpsmza

#jpapsmza

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



TEKS UCAPAN

**YBrs. PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

**TARIKH : 9 MAC 2023
MASA : 2.00 PETANG
TEMPAT : DEWAN KULIAH UTAMA**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Terima kasih saudara/i pengacara majlis

Yang Berusaha,

Ts. Mohyiddin bin Salleh

Timbalan Pengarah Akademik PSMZA

Yang Berusaha,

Ts. Dr Mohd Hafizil bin Mat Yasin

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSMZA

Yang Berusaha,

Encik Mazudi Bin Ramthan

Ketua Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar, PSMZA

Barisan Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan

Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

dan seterusnya

Yang Diraikan,

Barisan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2023/2024

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Fatir, ayat 39 yang berbunyi:

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَاتٍ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفُرٌ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرُونَ كُفُرُهُمْ إِلَّا مَقْتَلٌ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرُونَ كُفُرُهُمْ إِلَّا
(خَسَارًا)

Yang bermaksud: Dia lah yang menjadikan kamu orang-orang yang berkuasa di muka bumi silih berganti; oleh itu sesiapa yang kufur ingkar maka balasan kufurnya itu akan menimpa dirinya sendiri; dan orang-orang yang kafir, kufurnya tidak menambahkan mereka di sisi Tuhan mereka melainkan kemurkaan dan kehinaan; dan juga orang-orang yang kafir itu, kufurnya tidak menambahkan mereka melainkan kerugian juga.

Hadirin hadirat sekalian,

1. Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini bagi meraikan kejayaan dan pelantikan baharu barisan perwakilan pelajar yang saya harapkan akan menjadi *role model* terbaik buat pelajar-pelajar yang lain. Terima kasih atas jemputan untuk saya merasmikan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2023/2024 ini.
2. Sekalung tahniah dan penghargaan saya ucapan buat barisan kepimpinan pelajar yang terpilih dan dilantik pada hari ini. Walaupun persaingan pemilihan ahli barisan Exco MPP pada sesi kali ini agak kurang berbanding sesi yang sebelumnya, saya yakin penglibatan dan pemilihan anda semua merupakan yang terbaik buat PSMZA. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan dalam usaha memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar berkaitan kepimpinan disamping sebagai saluran bagi para pelajar mengemukakan sebarang permasalahan kepada pihak pengurusan. Saya percaya anda semua yang terpilih ini mampu untuk menggalas tanggungjawab yang diberikan ini dengan penuh amanah dan sebaiknya.

Hadirin hadirat sekalian,

3. Kepimpinan itu bukanlah satu keistimewaan atau kemegahan, sebaliknya merupakan satu tanggungjawab yang cukup berat. Dari sudut tindakan pula, kepimpinan bukanlah satu tindakan secara semberono dan membuta tali, tetapi tindakan yang penuh strategi dan perancangan. Rasulullah bersabda yang bermaksud, "*Pemimpin yang menguasai urusan kaum Muslimin, tetapi tidak bersungguh-sungguh memerhatikan kepentingan kaumnya, tidak nasihat menasihati demi kebaikan dan kesejahteraan mereka, kelak dia tidak dapat masuk surga bersama-sama mereka.*" (**Hadis Riwayat Bukhari & Muslim**). Demikianlah betapa besar dan beratnya tanggungjawab seorang pemimpin. Namun, saya pasti semua yang terpilih ini merupakan pemimpin-pemimpin yang boleh dibanggakan oleh semua.
4. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Majlis perwakilan pelajar (MPP) adalah suatu badan tertinggi pelajar yang diiktiraf sebagai medium rasmi kebajikan pelajar di IPTA di Malaysia. Ini dinyatakan secara jelas dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Keahlian MPP dipilih melalui sistem demokrasi pilihan raya kampus dan meletakkan mahasiswa sebagai calon dan warga pemilihnya. MPP diketuai oleh seorang Yang Dipertua yang kebiasaannya dipilih dalam kalangan mahasiswa yang menang pilihan raya kampus. Selain berperanan dalam membantu pihak PSMZA mengenalpasti keperluan dan kebajikan pelajar, MPP juga berfungsi sebagai penghubung antara kebanyakan pelajar dengan pihak Pengurusan dalam melicinkan lagi pengurusan akademik di PSMZA ini.

Hadirin hadirat sekalian,

5. Saya juga ingin menasihatkan buat semua, dalam kita sibuk melakukan urusan sampingan berkaitan kepimpinan pelajar, jangan mengabaikan urusan pelajaran yang utama. Memiliki pengetahuan dan pendidikan merupakan asas kepada pembangunan dan kemajuan disamping menghasilkan insan yang beradab. Seiring dengan visi Politeknik Malaysia iaitu menjadi peneraju institusi TVET yang unggul, saya mengharapkan kejayaan anak-anak pelajar dalam menjadi graduan yang berdaya saing dengan kemahiran yang dipelajari menerusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di PSMZA ini.
6. Pada kesempatan ini, saya berdoa agar anda semua sentiasa mendapat kerahmatan dan diberi perlindungan oleh Allah SWT supaya berupaya melahirkan insan-insan yang menjadi kebanggaan negara dan dijauhi dari segala bencana atau musibah. Saya berharap agar semua pelajar di PSMZA sentiasa beroleh kejayaan dalam semua aspek dan bidang yang diceburi. Sama-sama kita berdoa agar PSMZA ini sentiasa cemerlang, gemilang dan terbilang dalam aktiviti akademik juga kurikulum dan menjadi contoh kepada pusat institusi pengajian yang lain.

Hadirin hadirat sekalian,

7. Sebelum mengakhiri ucapan ini, dalam ayat yang saya bacakan di awal tadi, ia menunjukkan kepada kita bahawa Allah s.w.t menjadikan kita semua ini sebagai khalifah di atas muka bumi untuk mentadbir alam ini sebaik mungkin. Urusan pentadbiran sama ada di peringkat negara, negeri, daerah mahu pun di peringkat institusi pengajian termasuklah kepimpinan dalam MPP ini hendaklah diatur dan diurus selari dengan kehendak Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. Semoga kita semua tergolong dalam golongan khalifah atau pentadbir yang menjalankan tanggungjawab dengan penuh integriti dan beramanah.
8. Sekali lagi tahniah dan syabas buat barisan pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar PSMZA sesi 2023/2024 yang terdiri daripada 29 orang pelajar. Semoga dengan pelantikan ini akan dapat memberi satu pengalaman kepimpinan baharu buat anda semua disamping membantu para pelajar dan pengurusan PSMZA dari segenap sudut dalam pengurusan akademik.
9. Akhir kalam, saya dengan lafaz yang mulia **BISMILAHIRRAHMANIRRAHIM**, dengan ini saya **MERASMIKAN** Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin bagi sesi 2023/2024.

Sekian, terima kasih.

©ukkpsmza



SPEECH TEXT

YBrs. PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
DIRECTOR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

LETTER OF APPOINTMENT STUDENT REPRESENTATIVE COUNCIL

DATE : 9 MARCH 2023
TIME : 2.00 PM
VENUE : MAIN LECTURE HALL

Assalamualaikum WBT

Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,

Ts. Mohyiddin bin Salleh
Deputy Academic Director PSMZA

Yang Berusaha,

Ts. Dr Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Deputy Director for Academic Support (TPSA) PSMZA

Yang Berusaha,

Mr. Mazudi Bin Ramthan
Ketua Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar, PSMZA

Heads of Departments, Heads of Unit, Senior Officers
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

and

Yang Diraikan,

Student Representative Council members session 2023/2024

Allah s.w.t says in surah al-Fatir, verse 39:

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفُرٌ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرُونَ كُفُرُهُمْ إِلَّا مُقْتَصِدٌ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرُونَ كُفُرُهُمْ إِلَّا (خَسَارًا)

The verse says: He is The One Who made you succeeding each other in the earth. So whoever disbelieves, then his disbelief will be against him; and their disbelief increases the disbelievers (in nothing) except detestation in the Reckoning of their Lord, and their disbelief increases the disbelievers (in nothing) except in greater loss.

Ladies and gentlemen,

10. First of all, all praises to Allah SWT due to His permission we can gather today in order to celebrate the success and appointment of a new line of student representatives who I hope will be the best role models for the other students. Thank you for the invitation for me to inaugurate the Letter of Appointment of Student Representative Council (MPP) for session 2023/2024.
11. My congratulations and appreciation messages go to the student leadership line that was selected and appointed today. Although the competition for the selection of Exco MPP members in this session is quite less compared to the previous session, I am confident that your participation and selection is the best for PSMZA. The Student Representative Council (MPP) was established in an effort to provide exposure and experience to students related to leadership as well as a channel for students to raise any issues with the management. I believe that all of you who have been selected are capable of bearing the responsibility given to you with full trust and in the best way.

Ladies and gentlemen,

12. Leadership is not a privilege or glory, but rather a heavy responsibility. From the point of view of an action, leadership is not a reckless and a blind action, but an action full of strategy and planning. The Messenger of Allah said, which means, "A leader who controls the affairs of the Muslims, but does not earnestly observe the

interests of his people, does not advise them for their good and well-being, in the future he will not be able to enter heaven with them." (**Hadith Narrated by Bukhari & Muslim**). That is how great and heavy the responsibility of a leader is. However, I am sure that all those selected are leaders that everyone can be proud of.

13. As we already know that the student representative council (MPP) is a supreme student that is recognized as the official medium of student welfare in higher educational institutions in Malaysia. This is clearly stated in the University and University College Act 1971. MPP members are elected through the democratic system of campus elections and put students as candidates and voters. The MPP is led by Yang Dipertua who is usually chosen from among the students who win campus elections. In addition to playing a role in helping PSMZA identify the needs and welfare of students, the MPP also functions as a connection between most students and the Management in order to assist the academic management at PSMZA.

Ladies and gentlemen,

14. I also would like to advise everyone, while we are busy doing side affairs related to student leadership, do not neglect the main academic affairs. Having knowledge and education is the basis for development and progress to produce well-mannered people. Along with Politeknik Malaysia's vision of being a leading TVET institution, I pray for the success of the students in becoming competitive graduates with the skills learned through technical and vocational education and training (TVET) at PSMZA.
15. On this occasion, I pray that all of you will always be blessed and protected by Allah SWT to be able to deliver the people who will be the pride of the country and be kept away from all disasters or calamities. I hope that all students at PSMZA will always have success in all aspects and fields they venture into. Let's all pray that PSMZA will always be excellent, glorious and distinguished in academic and co-curricular activities and become an example to other educational institutions.

Ladies and gentlemen,

16. Before I end this speech, in the verse I read earlier, it shows us that Allah s.w.t made us all as caliphs on earth to govern this world as best as possible. Administrative matters whether it is at national, state, district level or at the educational institution level including the leadership in this MPP must be arranged and managed in line with the will of Allah swt and Rasulullah s.a.w. May we all belong to the group of caliphs or administrators who carry out their responsibilities with integrity and trustworthiness.
17. Once again congratulations and well done to the leadership of the PSMZA Student Representative Council for the 2023/2024 session, which consists of 29 students. Hopefully with this appointment, we will be able to provide a new leadership experience for all of you to help the students and management of PSMZA from all aspects in academic management.
18. With that, **BISMILAHIRRAHMANIRRAHIM, I INAUGURATE** Letter of Appointment of Student Representative Council (MPP), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin for session 2023/2024.

Thank you.
©ukkpsmza



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBrs PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

MAJLIS IFTAR PERDANA PSMZA

**TARIKH : 12 APRIL 2023 (RABU)
MASA : 5.00 PETANG
TEMPAT : PUSAT ISLAM, PSMZA.**

Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,

Ts. Mohyidin bin Salleh
Deputy Academic Director
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Ts. Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Deputy Director for Academic Support (TPSA)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Pn. Norsaliza binti Osman
Head of Department of General Studies
Co-chairman of PSMZA Premier Iftar Party

Yang Berusaha,

Ustaz Azman bin Aziz
Director of Pusat Islam PSMZA

Yang Berusaha,

Heads of Departments/ Heads of Unit/ Senior Officers

Invited Difs, Committees of PSMZA Premier Iftar Party

And,

Beloved lectures and staffs of PSMZA.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Alhamdulillah, mari kita sama-sama panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Iftar Perdana PSMZA 2023** pada petang yang berbahagia ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran Dif-dif jemputan ke Majlis Iftar Perdana PSMZA pada petang yang berbahagia ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua menyerikan dan memeriahkan lagi majlis kita pada petang ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Majlis hari ini adalah hasil kerjasama rewang dan gotong royong dalam kalangan kakitangan PSMZA sejak daripada petang semalam hingga ke saat ini dengan menyediakan persiapan juadah berbuka dan sebagainya. Selain daripada pelajar dan kakitangan PSMZA, majlis hari ini dimeriahkan dengan kehadiran para jemputan yang terdiri daripada agensi kerajaan di Daerah Dungun.
4. Kami juga mengalu-alukan dan meraikan kedatangan Anak-anak Yatim Perkaya yang diundang khas untuk berbuka puasa dengan kita pada hari ini. Terima kasih tuan mudir dan pembantu mudir serta anak-anak madrasah tahfiz Perkaya di atas kesudian bersama dengan kita.
5. Terima kasih juga diucapkan kepada semua kerana sudi meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama-sama dengan PSMZA yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini. Terima kasih semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Seperti yang semua sedia maklum, hari ini merupakan hari ke 21 kita semua menunaikan ibadah puasa, justeru marilah kita sama-sama mendoakan agar kita semua diberikan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah puasa sehingga ke penghujungnya yang masih berbaki beberapa hari sahaja lagi.
7. Tujuan utama Majlis Iftar Perdana ini diadakan adalah supaya ia menjadi satu medium untuk merapatkan tali persaudaraan dan mewujudkan semangat “kekeluargaan” dalam kalangan warga PSMZA, ahli keluarga dan pelajar PSMZA dengan Agensi luar serta masyarakat setempat. Semoga majlis ini dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim di antara kita semua yang sudah terjalin sekian lama, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang mulia ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para penyumbang-penyumbang yang berbesar hati menaja juadah berbuka puasa pada petang ini. Semoga kebaikan hati semua penyumbang mendapat ganjaran yang setimpal dan dirahmati Allah sentiasa. Sejurnya saya terharu dengan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua pihak bagi memastikan perjalanan program ini berjaya diadakan.
9. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Oleh itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dif jemputan yang hadir dan semua staf dan pelajar PSMZA yang hadir untuk bersama-sama memeriahkan majlis pada petang ini. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan **Majlis Iftar Perdana PSMZA 2023**. Selamat menjalani ibadah berpuasa dan selamat berbuka.

Sekian,

وَبِاسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالْهُدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

© u k k p s m z a



OPENING SPEECH TEXT

**YBrs PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
DIRECTOR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

PSMZAIFTAR CEREMONY

**DATE : 12 APRIL 2023 (WEDNESDAY)
TIME : 5 PM
VENUE : PUSAT ISLAM, PSMZA.**

Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,

Ts. Mohyidin bin Salleh
Deputy Academic Director
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Ts. Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Deputy Director for Academic Support (TPSA)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Pn. Norsaliza binti Osman
Head of Department of General Studies
Co-chairman of PSMZA Iftar Ceremony

Yang Berusaha,

Ustaz Azman bin Aziz
Director of Pusat Islam PSMZA

Yang Berusaha,

Heads of Departments/ Heads of Unit/ Senior Officers

Invited Difs, Committees of PSMZA Iftar Ceremony

And,

Beloved lectures and staffs of PSMZA.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Alhamdulillah, let's all express our gratitude to Allah s.w.t for His abundance and grace that we can be together in **PSMZA 2023 Iftar Ceremony** on this pleasant evening.
2. I take this opportunity to welcome the presence of the invited Difs to PSMZA 2023 Iftar Ceremony on this pleasant evening. Indeed, the presence of the ladies and gentlemen has brightened up and enlivened our ceremony this evening.

Ladies and gentlemen,

3. Today's ceremony is the result of mutual cooperation and *gotong-royong* among the PSMZA staffs since yesterday evening until now by preparing iftar food and so on. Apart from PSMZA students and staffs, today's ceremony was enlivened by the presence of guests from the government agencies in Dungun District.
4. We also welcome the arrival of the Perkaya orphans who are specially invited to break fast with us today. Thank you to the headmaster and warden along with the children of the Perkaya tahfiz madrasah for willing to be with us.
5. I would also like to thank everyone for taking their time to break fast together with PSMZA. Thank you, everyone.

Ladies and gentlemen,

6. As you all know, today is the 21st day of fasting, so let's all pray that we will all be given health and well-being to go through the fast until the end, which is only a few days away.
7. The main purpose of this Iftar Ceremony is to be a bridge to the ties of brotherhood and create a spirit of "family" among PSMZA community, family members and students of PSMZA with external agencies and local authorities. Hopefully this event can further strengthen the bonds of friendship between all of us that have been intertwined for so long, especially in this glorious month of Ramadan.

Ladies and gentlemen,

8. I would also like to take this opportunity to express my gratitude to the contributors who kindly sponsored the iftar meal this evening. May the kindness of all contributors be rewarded and may God bless them all the time. To be honest, I was moved by the cooperation shown by all parties to ensure the success of this program.
9. I do not intend to take a long time to speak this evening. Therefore, once again, I would like to thank all the invited Difs and all of the PSMZA staff and students who attended to liven up the ceremony this evening. Congratulations and thank you to all the parties who worked hard to make **PSMZA 2023 Iftar Ceremony** a success. Happy fasting and happy breaking the fast.

Thank you,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

© u k k p s m z a



TEKS UCAPAN

**YBrs. PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

PERHIMPUNAN BULANAN MEI 2023 & PROGRAM MAHABBAH AIDILFITRI PSMZA

**TARIKH : 9 MEI 2023
TEMPAT : TAPAK PESTA KONVOKESYEN,
PSMZA**

Terima kasih saudara/i pengacara majlis.

Yang Berusaha,

Ts. Mohyiddin bin Salleh
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Ts. Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

En. Mohd Shahrezal bin Abdul Hamid
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

En. Mazudi bin Ramthan
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Juga selaku Pengarah Program Mahabbah PSMZA

Yang Berusaha,

Barisan Ketua- Ketua Jabatan, Ketua- Ketua Unit, Para Jemputan serta seluruh warga PSMZA yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama berkumpul bagi menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Mei 2023 serta meraikan Program Mahabbah Aidilfitri PSMZA 2023. Setinggi- tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapan kepada semua yang terlibat atas sumbangan masa dan tenaga bagi memastikan perjalanan majlis pada hari ini berjalan dengan lancar dan baik.
2. Saya percaya, tanpa adanya kerjasama dan komitmen yang baik antara kita, pastinya majlis besar seperti ini sukar untuk kita laksanakan mengikut apa yang kita rancangkan. Ibarat bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Pada hemat saya, majlis yang kita adakan pada hari merupakan satu majlis yang sangat baik dalam mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kita warga PSMZA khususnya.

Tuan- tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Di kesempatan yang penuh keberkatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Salam Aidilfitri, Minal Aidin Wal Faidzin buat semua umat Islam khususnya warga PSMZA yang saya kasihi sekalian. Untuk makluman semua, kita adakan sedikit kelainan bagi Perhimpunan Bulanan pada bulan ini yang mana kita selitkan pada Program Mahabbah Aidilfitri PSMZA sempena bulan Syawal yang masih ada ini.
4. Hari ini merupakan hari ke 18 kita menyambut bulan Syawal dan pastinya ada yang sudahpun selesai dalam melaksanakan ibadah sunat seperti berpuasa 6 hari di bulan Syawal. Keistimewaan puasa 6 hari di bulan Syawal ini sangatlah besar sepertimana yang diriwayatkan dalam hadis Muslim, dari Abu Ayyub Al Anshori yang pernah mendengar sabda Nabi Muhammad SAW.

"Barangsiapa yang berpuasa Ramadan kemudian berpuasa enam hari di bulan Syawal, maka dia berpuasa seperti setahun penuh"

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Sepanjang penganjuran Perhimpunan Bulanan April yang lepas, kakitangan PSMZA yang hadir adalah seramai 89.3% manakala kakitangan yang tidak hadir adalah seramai 10.7% termasuk 6 orang kakitangan bercuti rehat, 2 orang kakitangan cuti kuarantin dan 1 orang kakitangan menghadiri temujanji di klinik kesihatan.
6. Mengikut kehadiran yang telah direkodkan sepanjang 3 bulan berturut-turut, statistik menunjukkan kehadiran pada bulan Februari adalah sebanyak 79.85%. Manakala pada bulan Mac berlaku peningkatan kehadiran sebanyak 19.17%. Namun begitu, statistik kehadiran menunjukkan penurunan sebanyak 9.73% berbanding kehadiran yang direkodkan hadir ke perhimpunan bulan Mac sebanyak 99.02%.
7. Tahun 2023 menyaksikan beberapa orang kakitangan PSMZA yang telah dan akan bersara dan menamatkan khidmat mereka dalam perkhidmatan awam. Sekalung penghargaan saya ucapan buat En Mohd Tajuddin (JKM) yang telah bersara pada 3/4/2023 dan En.Saifudin bin Abd Rahman (JKM) yang telah bersara pada 3/5/2023. Tidak lupa juga buat En.Mohd Zukhi bin Che Me (JKM) dan Pn. Norliza binti Kassim (JKE) yang bakal bersara pada 1/6/2023. Saya mewakili pihak pengurusan PSMZA mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga atas segala sumbangan dan jasa yang diberikan sepanjang perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Umum sedia maklum, 1 Mei yang lalu merupakan hari kelepasan am bagi kita semua sempena menyambut Hari Pekerja. Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei setiap tahun merupakan pengiktirafan Kerajaan kepada dedikasi dan sumbangan warga pekerja selaku cerucuk utama dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara. Pada tahun ini, Malaysia mengangkat tema "Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani" bagi sambutan Hari Perkerja 2023. Tahniah dan Selamat Hari Pekerja saya ucapan buat semua tidak kira apa jua pekerjaan yang kita lakukan, anda semua wajar dihargai.
9. Sedar tidak sedar, kita telah memasuki Minggu ke 12 Pembelajaran dan Pengajaran. Saya pasti semua pensyarah akademik khususnya sudah mula sibuk menyelesaikan saki baki Pembelajaran dan Pengajaran yang tersisa disamping menyiapkan rekod Penilaian Kerja Kursus (PKK). Suka untuk saya ingatkan tarikh akhir penghantaran PKK adalah selewat-lewatnya 1 Jun 2023.
10. Kita juga akan menghadapi minggu Peperiksaan Akhir yang akan bermula pada 6 Jun 2023 sehingga 22 Jun 2023 nanti. Diharapkan agar semua kakitangan yang terlibat dapat membuat persiapan sebaiknya bagi sesi pengawasan semasa peperiksaan Akhir berlangsung.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Akhir kata daripada saya, sekali lagi tahniah dan terima kasih buat semua yang terlibat dalam menjayakan majlis kita pada hari ini. Adalah menjadi harapan saya agar semua kakitangan PSMZA sentiasa untuk saling hormat-menghormati, sentiasa menjalin ukhuwah sesama kita demi kecemerlangan institusi kita, PSMZA juga seiring dengan hasrat Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam mengambil kira Prinsip 3K dalam amalan kita di PSMZA ini.
12. Dengan ini, saya dengan lafadz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM** merasmikan **PROGRAM MAHABBAH AIDILFITRI PSMZA 2023**.
13. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun,

Buah Nangka Buah Durian,

*Enak Dimakan Bersama Rakan,
Selamat Hari Raya Warga Psmza Sekalian,
Semoga Silaturrahim Ini Dapat Dieratkan.*

Sekian, Wabillahi Al-Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Wabaraktu.

Terima kasih.



SPEECH TEXT

**YBrs. PUAN HAJAH ZAMRA BINTI DERAHMAN
DIRECTOR
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**

2023 MAY MONTHLY MEETING & PSMZA MAHABBAH EID AL-FITR PROGRAM

**DATE : 9 MAY 2023
VENUE : CONVOCATION FESTIVAL SITE, PSMZA**

Thank you Mr/Mdm emcee.

Yang Berusaha,

Ts. Mohyidin bin Salleh
Deputy Academic Director
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

Ts. Dr. Mohd Hafizil bin Mat Yasin
Deputy Director for Academic Support (TPSA)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Yang Berusaha,

En. Mohd Shahrezal bin Abdul Hamid
Head of Department of Civil Engineering (JKA)

Yang Berusaha,

En. Mazudi bin Ramthan
Head of Department of Student Affairs (JHEP)
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
Cum Chairman of PSMZA Mahabbah Program

Yang Berusaha,

Heads of Departments, Heads of Unit, Invitees and beloved PSMZA community.

Assalamualaikum WBT, Good morning, Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, all praises to Allah SWT because with His abundant grace, we are allowed to gather here in the Monthly Meeting for May 2023 and to celebrate the PSMZA Mahabbah Eid Al-Fitr Program. My deepest appreciation and congratulations to everyone involved for contributing their time and energy to ensure that the ceremony today runs smoothly.
2. I believe that without good cooperation and commitment between us, it would be difficult for us to carry out a big event like this as planned. United we stand, divided we fall. In my opinion, the ceremony we held on the day was a very good ceremony in strengthening the friendly relationship between us PSMZA community in particular.

Gentlefolk,

3. On this blessed occasion, I would like to take the opportunity to say Salam Aidilfitri, Minal Aidin Wal Faidzin to all Muslims, especially PSMZA community whom I love. For everyone's information, we are having a little change for the Monthly Meeting this month which we will hold it inside PSMZA's Mahabbah Eid Al-Fitr Program in conjunction with the still existing month of Shawwal.
4. Today is the 18th day we celebrate the month of Shawwal and surely there are those who have already completed the sunnah such as fasting for 6 days in the month of Shawwal. The privilege of fasting for 6 days in the month of Shawwal is very great as narrated in the Muslim hadith, from Abu Aiyub Al-Ansari who once heard the words of the Prophet Muhammad SAW.

"Whoever fasts during the month of Ramadan and then follows it with six days of Shawwal will be (rewarded) as if he had fasted the entire year."

Ladies and gentlemen,

5. Throughout the organization of the last April Monthly Meeting, 89.3% of PSMZA staff attended while 10.7% of absent staff included 6 staff on rest leave, 2 staff on quarantine leave and 1 staff attending an appointment at the health clinic.
6. According to the attendance that has been recorded for 3 consecutive months, the statistics show that the attendance in February was 79.85%. While in March there was an increase in attendance by 19.17%. Nevertheless, attendance statistics showed a decrease of 9.73% compared to the recorded attendance of 99.02% for the March meeting.
7. In the year 2023, we will see a number of PSMZA staff who have retired and will end their service in the public service. My gratitude goes to Mr. Mohd Tajuddin (JKM) who retired on 3/4/2023 and Mr. Saifudin bin Abd Rahman (JKM) who retired on 3/5/2023. Not forgetting Mr. Mohd Zukhi bin Che Me (JKM) and Mrs. Norliza binti Kassim (JKE) who will retire on 1/6/2023. On behalf of the management of PSMZA, I would like to thank you very much for all the contributions and services provided throughout your service, ladies and gentlemen.

Ladies and gentlemen,

8. We are aware that last May 1 was a public holiday for all of us in order to celebrate Labor Day. The annual Labor Day celebration on May 1 is the Government's recognition of the dedication and contribution of workers as the main pillar in the economic development and well-being of the country. This year, Malaysia chose the theme "Pekerja Pemangkin Wadah Malaysia Madani" for the celebration of 2023 Labor Day. Congratulations and Happy Labor Day to all of you, no matter what work we do, all of you deserve to be appreciated.
9. Whether you realize it or not, we have entered Week 12 of Learning and Teaching. I'm sure all the academic lecturers in particular have started to be busy completing the remaining Learning and Teaching in addition to complete the Course Work Evaluation (PKK) record. I would like to remind you that the deadline for PKK delivery is June 1, 2023 at the latest.
10. We will also be facing the Final Exam week which will start on June 6, 2023 until June 22, 2023. I hope that all the staff involved can make the best preparations for the supervision session during the Final examination.

Ladies and gentlemen,

11. Last words from me, once again congratulations and thank you to everyone involved in making our event a success today. It is my hope that all of PSMZA staff always respect each other, always establish brotherhood among us for the sake of the excellence of our institution, PSMZA is also in line with the wishes of the Director General of Polytechnic Education and Community College in taking into account of the 3K Principle in our practice at PSMZA.
12. With this, **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM** I inaugurate 2023 PSMZA Mahabbah Eid Al-Fitr Program.
13. I end my speech this morning with a Malay poem,

*Buah Nangka Buah Durian,
Enak Dimakan Bersama Rakan,
Selamat Hari Raya Warga Psmza Sekalian,
Semoga Silaturrahim Ini Dapat Dieratkan.*

Wabillahi Al-Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Wabaraktu. Thank you.

PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua Jawatankuasa UKK di atas sumbangan dan jasa bakti bagi menjayakan cetakan pertama bagi menghasilkan Koleksi Teks Ucapan Pengarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin buat kali ini. Semoga terus maju dan cemerlang di masa hadapan.

*Ikhlas Daripada
Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin*



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



-  **Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,
23000 Dungun, Terengganu**
-  **ukkpsmza@psmza.edu.my**
-  **09-8400822 / 019 - 931 9092**
-  **www.psmza.edu.my/ukk**